

CHANGLOON, 27 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP TIDAK ADA PIHAK AKAN MENGGUNAKAN ISU PENANGKAPAN SIDDIQ CHOUDE UNTUK MENDAPATKAN KEPENTINGAN POLITIK.

PERDANA MENTERI BERNKATA MUNGKIN SETENGAH PIHAK AKAN MENGAMBIL PELUANG DARI PENANGKAPAN SIDDIQ UNTUK MEMBOLEHKAN PIHAK BERKUASA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP KAWAN-KAWAN SIDDIQ.

+JIKA ADA SESIAPA YANG CUBA Mencari peluang yang tidak baik ini, saya ingin memberi ingatan bahawa perbuatan mereka itu berbahaya bagi diri mereka sendiri kerana mereka mungkin dituduh cuba menimbulkan keadaan syak-wasangka di kalangan rakyat, terutama ahli-ahli UMNO+ UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR Bimbang mungkin terdapat orang-orang yang akan menggunakan isu tersebut untuk kepentingan peribadi dan menimbulkan keadaan syak-wasangka sesama sendiri hingga menjejaskan tugas-tugas politik dan parti.

PERDANA MENTERI BERUCAP demikian di majlis berbuka puasa dan nuzul quran di Rancangan FELDA Batu Lapan, Guar Napai, dekat sini malam tadi. -- BERSAMBUNG 1427/A1

B546:

MAHATHIR-SIDDIQ 2 CHANGLOON

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SIDDIQ MENJADI AGEN PERISIK POLIS RAHSIA SOVIET BUKAN KERANA IA MENGANUTI FAHAMAN KOMUNIS ATAU LAIN-LAIN FAHAMAN.

MENURUTNYA, TINDAKAN SIDDIQ SEMATA-MATA KERANA DIDORONG OLEH PERASAAN TAMAK DAN INGIN MENDAPATKAN WANG DENGAN CARA YANG SENANG DENGAN PENJUALAN RAHSIA KERAJAAN.

+BAGAIMANAPUN KITA BERNASIB BAIK KERANA RAHSIA YANG DAPAT DIJUALNYA TIDAK BEGITU BESAR BARI SEGI KEPENTINGAN NEGARA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUCA MENYATAKAN BAHAWA BEKAS SETIAUSAHA POLITIK ITU TELAH TIDAK MEMPENGARUHI SEORANG PUN DARIPADA KAWAN-KAWANNYA SEMASA MENJADI AGEN ITU.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA BUKTI SAMA SEKALI BAHAWA ADA KAWAN-KAWAN SIDDIQ YANG TELAH DIPENGARUHI KERANA JIKA ADA, PIHAK POLIS SUDAH TENTU AKAN MENGETAHUI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEGIATAN YANG DIJALANKAN OLEH SIDDIQ MEMANG DIKESALI OLEH SEMUA PIHAK DAN KECEKAPAN PASUKAN POLIS YANG BERJAYA MENGESAN KEGIATAN ITU PATUT DIBERI PUJIAN OLEH RAKYAT. -- BERSAMBUNG 1433/A1

MAHATHIR-SIDDIQ 3 CHANGLON

KEGIATAN ITU MENUNJUKKAN BAGAIMANA NEGARA-NEGARA ASING BERMINAT UNTUK MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK STABIL DI NEGARA INI.

IA JUGA MEMBUKTIKAN YANG MALAYSIA TETAP MENARIK PERASAAN IRI HATI DI KALANGAN ORANG LAIN YANG CUBA MENIMBULKAN KEADAAN YANG TIDAK BAIK.

PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN DARIPADA ANCAMAN KESELAMATAN, MALAYSIA JUGA MENGHADAPI MASALAH KEMELESETAAN EKONOMI DUNIA YANG MENYEBABKAN HARGA GETAH DAN BIJAH TIMAH JATUH DI PASARAN DUNIA.

MENURUT BELIAU, KENAIKAN HARGA MINYAK YANG BEGITU TINGGI BARU-BARU INI MENAKIBATKAN NEGARA-NEGARA MAMU YANG MENJADI PEMBELI UTAMA GETAH DAN BIJAH TIMAH MALAYSIA MEMURAGKAN JUMLAH BELIAN MEREKA.

KEADAAN INI MENYEBABKAN HARGA KEDUA-DUA BAHAN TERSEBUT TURUN DAN MERUGIKAN NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN KEDUDUKAN INI BAGAIMANAPUN TIDAK BEGITU DIRASAI OLEH MALAYSIA KERANA NEGARA MEMPUYAI MINYAK YANG DAPAT MENAMPUNG KEJATUHAN HARGA KEDUA-DUA BARANGAN ITU.

PERDANA MENTERI YAKIN KEPUTUSAN ARAB SAUDI UNTUK MENURUNKAN HARGA MINYAKNYA AKAN SEDIKIT SEDIKIT MEMBERI NEGAN KEPADA HARGA MINYAK TENPAHAN. — BERNAMA 1437/A1